



KETUA PENGARAH KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN
JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA
[*Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS)*]
ARAS 4, MENARA 4G1, WISMA TANI
NO . 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62624 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon : 03-8870 8000 / 03-8870 8019

Faks : 03-8870 8004

Portal : <http://www.maqis.gov.my>

Ruj. Kami : MAQIS 500-3/5/1 Jld 9 (19)
Tarikh : 26 Mac 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENOLONG PEGAWAI PENGUAT KUASA
SECARA KONTRAK DI JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN
PEMERIKSAAN MALAYSIA, KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN
MAKANAN (KPKM)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara seperti di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dalam proses mengisi kekosongan jawatan **Penolong Pegawai Penguat kuasa Gred KP29 secara kontrak** di Pejabat MAQIS Semenanjung Malaysia dan Labuan. Sehubungan dengan itu, kerjasama dan jasa baik pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk membuat hebahan mengenai kekosongan jawatan ini kepada pegawai yang berminat dan mempunyai kelayakan seperti yang ditetapkan.
3. Permohonan pegawai yang telah disokong oleh Ketua Jabatan beserta maklumat seperti berikut hendaklah dikemukakan ke Bahagian Khidmat Pengurusan, MAQIS Putrajaya ini untuk tindakan selanjutnya:-
 - i. Melengkapkan borang **MAQIS/KONTRAK/1/2023**;
 - ii. *Resume* pegawai yang mengandungi maklumat peribadi, gambar terkini, maklumat pendidikan dan pengalaman bekerja;
 - iii. Salinan Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) Tahun 2020, 2021 dan 2022 (jika pernah berkhidmat di agensi awam);
 - iv. Salinan transkrip Diploma/Sijil yang disahkan; dan
 - v. Salinan MQA Diploma/Sijil yang berkaitan.

Ruj. Kami : MAQIS 500-3/5/1 Jld 9 (19)
Tarikh : 20 Mac 2023

4. Permohonan hendaklah menggunakan borang MAQIS/KONTRAK/1/2023 seperti yang dikepilkan bersama atau boleh dimuat turun melalui laman web KPKM iaitu <http://www.mafs.gov.my> dan laman web MAQIS iaitu <http://www.maqis.gov.my>. Tarikh permohonan dibuka mulai 22/3/2023 hingga 5/4/2023.

5. Sebarang pertanyaan bolehlah dibuat dengan menghubungi pegawai di bawah :

a) **Puan Noor Azleeza binti Mohd Noor**

No Telefon : 03 8870 8064

Emel : azleeza@maqis.gov.my

b) **Encik Ku Akram bin Ku Mansor**

No Telefon : 03 8870 8035

Emel : kuakram@maqis.gov.my

6. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan mengenai perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

PENGUATKUASAAN BERINTEGRITI

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SHAMSUL AKBAR BIN SULAIMAN)



KERAJAAN MALAYSIA

PERMOHONAN JAWATAN

DI JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN
MALAYSIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN
MAKANAN



| PERINGATAN KEPADA PEMOHON | | UNTUK KEGUNAAN PEJABAT | |
|---------------------------|---|------------------------|---------------------------------|
| 1. | Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil lahir, kad pengenalan, Sijil-sijil persekolahan/kelulusan dan sijil-sijil yang berkaitan yang telah disahkan. | Tarikh Terima: | |
| 2. | Sekiranya pemohon sedang memegang jawatan Kerajaan, badan-badan berkanun atau Kuasa-kuasa Tempatan, permohonan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan beserta dengan salinan laporan penilaian prestasi dan penyata Perkhidmatan yang kemaskini, | Tarikh Temuduga | |
| 3. | Tuliskan TIADA pada ruang yang tidak berkenaan. Gunakan lampiran sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah disampaikan kepada: Ketua Pengarah Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia Aras 4, Wisma Tani, Lot 4G1 Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62624 PUTRAJAYA (u.p: Bahagian Khidmat Pengurusan) | Pusat Temuduga | |
| 5. | Borang permohonan bersama-sama dokumen lengkap hendaklah sampai sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan dalam iklan. Borang permohonan yang tidak lengkap, tidak kemas dan lewat diterima tidak akan diproses. | Keputusan Temuduga | *Berjaya/Tidak Berjaya/Simpanan |
| | | Lain-lain Kenyataan : | |

A. MAKLUMAT PERIBADI

| | |
|-----|--|
| 1. | Nama Penuh (Huruf Besar)..... |
| 2. | No.Kad Pengenalan (baru)..... |
| 3. | Umur..... |
| 4. | Tarikh & Tempat Lahir :..... |
| 5. | Jantina..... |
| 6. | Warganegara:..... |
| 7. | Bangsa..... |
| 8. | Taraf Perkahwinan :..... |
| 9. | Agama..... |
| 10. | Alamat Surat Menyurat : |
| 11. | No.Telefon : (Rumah)..... (Telefon bimbit)..... |
| 12. | Fizikal : (a) Berat.....kg (b): Tinggi.....cm |
| 13. | Lesen Memandu kenderaan : Lesen kelas..... |

MAKLUMAT PENDIDIKAN

| NAMA SEKOLAH/ INSTITUSI | TAHUN MASUK | TAHUN KELUAR | PERINGKAT (SEKOLAH/SIJIL/DIPLOMA/IJAZAH) |
|-------------------------|-------------|--------------|--|
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

KELULUSAN PEPERIKSAAN SEKOLAH

| MATAPELAJARAN | GRED | | |
|-----------------|-------------------|-------------|--------------------|
| | * LCE / SRP / PMR | * MCE / SPM | * STP / HSC / STPM |
| Bahasa Melayu | | | |
| Bahasa Inggeris | | | |
| Matematik | | | |

C. KEGIATAN LUAR

| Aktiviti/ Kegiatan/ Persatuan/ Sukan | Jawatan | Peringkat |
|--------------------------------------|---------|-----------|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

D . PENGETAHUAN BAHASA

| | | |
|-------------------------------|------------|---------------------------------------|
| Bahasa Melayu | Pertuturan | * Baik / Memuaskan/ Sederhana / Lemah |
| | Tulisan | * Baik / Memuaskan/ Sederhana / Lemah |
| Bahasa Inggeris | Pertuturan | * Baik / Memuaskan/ Sederhana / Lemah |
| | Tulisan | * Baik / Memuaskan/ Sederhana / Lemah |
| Lain-lain (Nyatakan) | pertuturan | * Baik / Memuaskan/ Sederhana / Lemah |
| | Tulisan | * Baik / Memuaskan/ Sederhana / Lemah |

E. KEMAHIRAN KOMPUTER & TEKNOLOGI MAKLUMAT

| Kemahiran | Tahap penguasaan |
|-----------------------|---------------------------------|
| Microsoft word | *Baik/Memuaskan/Sederhana/Lemah |
| Microsoft Excel | *Baik/Memuaskan/Sederhana/Lemah |
| Microsoft Power Point | *Baik/Memuaskan/Sederhana/Lemah |
| Lain-lain: | |
| | |

F. PENGALAMAN KERJA

| PEKERJAAN SEKARANG | | | | |
|--|-----------------------|---------------------|-------------------|--------|
| JAWATAN | NAMA & ALAMAT MAJIKAN | GAJI BERSIH | TEMPOH BERKHIDMAT | |
| | | | DARI | HINGGA |
| | | | | |
| *sila sertakan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini sekiranya sedang berkhidmat dengan Kerajaan. | | | | |
| PEKERJAAN DAHULU | | | | |
| JAWATAN | NAMA & ALAMAT MAJIKAN | GAJI BERSIH SEBULAN | TEMPOH BERKHIDMAT | |
| | | | DARI | HINGGA |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |

G. PERAKUAN DIRI

| | | |
|--|-------------|-------|
| <p>Sebutkan nama dua (2) orang selain daripada saudara mara atau majikan terdahulu yang benarbenar mengenali anda dan yang akan memberi perakuan mengenai diri anda.</p> | Nama | |
| | Alamat | |
| | | |
| | | |
| | Pekerjaan | |
| | No. Telefon | |
| | Nama | |
| | Alamat | |
| | | |
| | | |
| | Pekerjaan | |
| | No. Telefon | |

H. PENGAKUAN PEMOHON

Saya mengaku bahawa maklumat yang diberi adalah betul dan benar. Saya memahami bahawa sekiranya ada di antara maklumat di dapati palsu permohonan saya akan terbatal dan sekiranya saya telah diberi tawaran perkhidmatan saya akan ditamat serta merta.

Tarikh

Tandatangan :

Nama :



**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN
DI JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN
MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan di Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

- 1. 1.1 Jawatan** **PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA GRED KP29**
- 1.2. Kementerian/ Jabatan** :Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia
- 1.3. Kumpulan Perkhidmatan** :Sokongan
- 1.4. Klasifikasi Perkhidmatan** :Keselamatan dan Pertahanan Awam (KP)
- 2. Jadual Gaji** :Gred KP29
:Min RM1 ,493.00 - Maks RM5,696.00
- 3. Syarat -syarat** :Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki syarat-syarat seperti berikut-
- a) warganegara Malaysia
 - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
 - c) mempunyai lesen memandu kelas D
 - d) Mempunyai kelayakan akademik:
 - I. Sijil Veterinar/Sijil Pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - II. Diploma dalam bidang perikanan, pertanian, hortikultur, pemakanan, teknologi makanan, kesihatan haiwan, sains penternakan atau sains veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

III. Kelulusan Diploma/Sijil mestilah setaraf dengan diploma/sijil dari Institusi Pengajian Tinggi Awam Tempatan/Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi yang lain. Disemak di dalam sistem pengiktirafan kelayakan perkhidmatan awam (**eSisraf**)

- e) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut
- I. Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - II. Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita
 - III. Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26
 - IV. Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja)
 - V. lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan
 - VI. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - VII. diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

4. Penetapan gaji permulaan

- f) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- I. Sijil Veterinar/Sijil Pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,493.00); atau
 - II. Diploma dalam bidang perikanan, pertanian, hortikultur, pemakanan, teknologi makanan, kesihatan haiwan, penternakan atau sains veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,846.15)

- 5. Taraf jawatan** :Kontrak
- 6. Deskripsi Tugas** :Bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan, aktiviti kuarantin dan penguatkuasaan di Pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin di Malaysia bagi memastikan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan makanan bebas dari ancaman perosak, penyakit, bahan cemar.
- 7. 7.1. Elaun**
- I. Imbuan Tetap Khidmat Awam
 - II. Imbuan Tetap Perumahan
 - III. Bayaran Imbuan Sara Hidup
- 7.2. Kemudahan**
- I. Cuti Rehat (25 hari setahun)
 - II. Faedah Rawatan Perubatan (diri/ isteri/ suami/ anak dan ibu bapa)
- 8. Penaklukan Di bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan** :Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Pegawai Penguatkuasa adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
- 9. Cara-cara memohon** :Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang MAQIS/KONTRAK/1/2023. Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan berkaitan yang disahkan, dan dikemukakan kepada:Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)
Aras 4, Menara 4G1 , Wisma Tani No. 28,
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA
- 10. Tarikh Tutup Permohonan** :Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat di atas sebelum atau pada **5/4/2023**
Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima dari tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.
Hanya calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Permohonan tuan/puan dianggap tidak berjaya sekiranya tidak menerima sebarang jawapan daripada MAQIS ini dalam masa enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan.

11. Pertanyaan

:Sekiranya ada sebarang pertanyaan tentang perkara berkaitan boleh menghubungi:-

Puan Noor Azleeza binti Mohd Noor
Emel : azleeza@maqis.gov.my
Telefon : **03-8870 8064**

Encik Ku Akram Bin Ku Mansor
Emel : kuakram@maqis.gov.my
Telefon : **03-8870 8035**